

Bijak Tak Aiman?

" Terima kasih AmanahRaya kerana berjaya menyelesaikan kes kakak saya yang kurang upaya sehingga berjaya di hantar ke Pusat Jagaan. InsyaAllah dengan khidmat nasihat dan penerangan yang lengkap dari pihak tuan, saya telah membuka Akaun Amanah untuk kakak saya. Semoga dengan adanya Akaun Amanah ini akan dapat membantu kakak saya yang merupakan orang kelainan upaya diberi jagaan dan rawatan terbaik di pusat jagaan tersebut."

-----baca seterusnya-----

Bijak tak Aiman?

Nama saya Aiman. Saya berumur 20 tahun dan mempunyai kakak tiri bernama Aminah (bukan nama sebenar) yang merupakan orang kelainan Upaya (OKU) yang mengalami cacat fizikal dan mental. Saya baru sahaja berjaya menyambung pengajian di sebuah universiti tempatan di Kuala Lumpur. Setelah kematian ibu, hidup kami berubah. Konflik bermula apabila ayah berkahwin dan meninggalkan kami di rumah pusaka ibu. Walaupun sudah berkeluarga, ayah tidak melaksanakan tanggungjawab kepada kami. Walaupun saya masih belajar, saya tidak melupakan tanggungjawab saya untuk menguruskan kakak. Merumitkan lagi, saya tidak mampu lagi untuk menjaga kakak kerana perlu pulang ke Kuala Lumpur untuk menyambung pengajian dan meninggalkan kakak keseorangan di rumah dengan bantuan jiran. Benarlah bak kata pepatah " bagai anjing berebut tulang' semasa ibu hidup semua saudara datang untuk menziarah Aminah. Apabila ibu sudah tiada, semua saudara hilang setelah yang menerima harta pusaka ibu yang dibahagi mengikut Faraid.

10 tahun berlalu, tiada tindakan di ambil dari pihak berwajib. Kami telah menerima sejumlah wang dari Pusaka ibu manakala bahagian kakak di simpan di AmanahRaya.

Pada suatu hari Aiman telah hadir ke AmanahRaya untuk membuat pengeluaran wang tersebut bagi membantu menguruskan kakaknya. Namun, oleh kerana kekangan masa Aiman memohon bantuan dari pihak AmanahRaya untuk menguruskan kakaknya.

Adakah Aiman membuat tindakan yang tepat?

Ya. Aiman telah memulakan langkah pertama untuk datang ke AmanahRaya. AmanahRaya bukan sahaja menjalankan tanggungjawab sebagai pemegang Amanah kepada Aminah. Malah, bidang kuasa AmanahRaya yang menyeluruh mampu

Bijak Tak Aiman?

menyelesaikan kes Aminah sehingga selesai di mana mereka telah membantu menguruskan Aminah sehingga dia ditempatkan di Rumah Jagaan Khas untuk golongan Kurang Upaya yang diuruskan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Aiman berasa sangat gembira dan berterima kasih kepada AmanahRaya kerana telah membantu menguruskan kakaknya.

Setelah mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan dari pihak AmanahRaya. Aiman semakin bijak apabila wang tersebut digunakan dengan membuka Akaun Amanah. Semua wang tersebut telah dikreditkan ke Akaun Amanah kerana Aiman tahu wang tersebut bukan sebahagian daripada harta pusaka dan mana-mana waris tidak layak menuntut wang tersebut apabila Aminah meninggal dunia. Bijak kan Aiman!

Kini Aiman sedar pentingnya melaksanakan Perancangan Pewarisan. Jika dulu Aiman tidak kisah dan tidak ambil tahu semasa arwah ibu bercerita mengenai AmanahRaya. Sekarang Aiman kisah. Aiman telah berkahwin dan mempunyai anak. Aiman telah melaksanakan Perancangan Pewarisan dengan melantik AmanahRaya sebagai pentabir dan pemegang Amanah penulisan Wasiat & Akaun Amanah untuk anak-anaknya.

Bijak kan Aiman !